

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

MTV sambut Hari AIDS tanpa selebriti
02 Dec 2010
Berita Harian
Dunia
N/A
Daily
192,982 / 1,521,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue
Malay
39
270 cm²
Full Color
11,895
35,685



Angelikah



Georgia Arnold

MTV sambut Hari AIDS tanpa selebriti

Tayang dokumentari babit dua pesakit HIV

LONDON: Badan amal penyakit AIDS, Rangkaian Muzik Televisyen (MTV) buat kali pertama tahun ini memulakan kempen Hari AIDS Sedunia tanpa kehadiran selebriti terkenal, sebaliknya menyiarkan dokumentari mengenai semangat dua warga muda penghidap HIV bertujuan memberi inspirasi kepada dunia sejagat.

Saluran muzik itu menyiarkan satu filem rencana selama sejam berjudul *Me, Myself and HIV*, menyusuri kehidupan Angelikah, seorang pelajar kolej berusia 25 tahun dan Slim, seorang pemuzik berbakat dari Zambia yang menghidapi HIV.

"Ini kali pertama Staying Alive menyiarkan program berasaskan realiti kehidupan dan saya amat bangga dengan beberapa program hebat MTV seperti *Teen Mom*," kata ketua badan amal MTV, Georgia Arnold.

Beliau merujuk kepada

Yayasan Staying Alive, sebuah badan kebajikan yang ditubuhkan pada 2004 bagi membantu penghidap HIV dan meningkatkan kesedaran mengenai penyakit itu, iaitu beliau sendiri antara yang terbabat dengan penubuhannya.

"Pada mulanya saya amat gementar kerana tiada selebriti akan muncul pada kempen dan program kesedaran HIV kali ini kerana sebelum ini kempen biasanya dihoskan seorang selebriti. Bagaimanapun saya rasa program kali ini cukup hebat berikutan kehadiran dua 'suara' iaitu Slim dan Angelikah," katanya.

Beliau berkata, selebriti mempunyai peranan dalam pelbagai kempen kesedaran AIDS, tetapi suara sebenar penghidap HIV akan mewujudkan sikap lebih peka orang ramai terhadap isu itu.

Dua warga muda berkenaan bukan saja terpaksa menghadapi pelbagai caba-

ran dan komplikasi sebagai penghidap HIV, tetapi juga berkongsi mesej positif bahawa mereka yang dijangkiti penyakit itu juga mampu menjalani hidup secara normal.

Rancangan itu menelusuri kehidupan Angelikah dan teman lelakinya, Taylor yang HIV negatif selepas menjalani ujian selain perbincangan mereka mengenai bagaimana menikmati kehidupan dan seks selamat dengan mengambil langkah perlindungan.

Angelikah tidak memberitahu semua rakan di kolej mengenai keadaannya, tetapi pernah menceritakan kepada seorang rakan karibnya yang kemudian menyalahkannya kerana menghidapi HIV.

Slim keberatan membincangkan kehidupannya sebagai penghidap HIV, tetapi berasa lega apabila rakananya bersikap terbuka selepas mengetahui keadaannya. - Reuters